

Perancangan Pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia

(Educational Planning in Higher Education Institutions in Malaysia)

Ummi Hufaizah Abdul Hamid¹, Bity Salwana Alias^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

*Pengarang Koresponden: bity@ukm.edu.my

Received: 4 February 2023 | Accepted: 1 May 2023 | Published: 1 June 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.2.4>

Abstrak: Kertas ini membincangkan perancangan pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia dimana penekanan pencapaian pelajar hanya berfokuskan kepada pencapaian akademik. Isu-isu seperti kurikulum yang terlalu padat, beban tugas yang berlebihan, penilaian pelajar yang menumpukan peperiksaan ujian kertas menjadi cabaran kepada pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi. Pemimpin Institusi berperanan menggerakkan pendidik kepada pembaharuan pendidikan terutama dari pendekatan kurikulum dan penilaian modul pelajaran. Dapatan dari kajian dua kertas Scopus menunjukkan ketidak selarasan visi dan matlamat dari perancangan yang dilakarkan oleh pemimpin menyebabkan ketidak berkesan perancangan pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi. Dengan teori Transformasional bagi kepemimpinan pemimpin Institusi dan model perancangan Franco yang teliti, sesuai untuk melatih guru untuk memahami dan mengesan kekuatan pelajar dalam aspek pemahaman dan penguasaan ilmu.

Kata kunci: pengetahuan guru, Perancangan, Institusi Pendidikan Tinggi, Perancangan Pembelajaran, Teori Transformasional

Abstract: This paper discusses educational planning in Higher Education Institutions in Malaysia where the emphasis on student achievement is only focused on academic achievement. Issues such as an overly dense curriculum, excessive workload, assessment of students who focus on paper test exams become challenges for students at Higher Education Institutions. Institutional leaders have the role of mobilizing educators to reform education, especially from the curriculum approach and evaluation of lesson modules. Findings from the study of two Scopus papers show that the inconsistency of the vision and goals of the plan outlined by the leader causes the ineffectiveness of educational planning in Higher Education Institutions. With the Transformational theory for Institutional leader leadership and Franco's careful planning model, it is suitable for training teachers to understand and detect student strengths in terms of understanding and mastery of knowledge.

Keywords: teacher knowledge, Planning, Higher Education Institutions, Learning Planning, Transformational Theory

1. Pengenalan

1.1 Perancangan Pendidikan

Perancangan pendidikan adalah sangat penting bagi mendapat menghasilkan pendidikan yang berkualiti dengan sistematik. Ia memudahkan perancangan masa depan pelajar didalam bidang

yang dikehendaki seperti ilmu sains, teknologi dan kemahiran. Menurut Somantri (2014), perancangan mempunyai elemen-elemen aktiviti supaya dapat mengenal-pasti dan memilih keperluan yang sesuai pada reka bentuk model dan skala. Ini akan melahirkan perincian hasil yang spesifik dengan mengenal-pasti kriteria yang dikategorikan terhadap sasaran dan akan mendapat kemungkinan alternatif bagi strategi dan pelaksanaan pembelajaran yang berkesan kepada pelajar.

1.2 Institut Pendidikan Tinggi

Dengan itu, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kertas ini akan membincangkan perancangan pendidikan yang mampu berdaya saing di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi supaya dapat mencapai matlamat yang dikehendaki KPM. Institusi Pendidikan Tinggi menurut Khir Johari (1967) bermaksud kelayakan akademik Sijil Tinggi Persekolahan atau sijil yang setaraf yang digunakan untuk kemasukan ke yayasan di peringkat universiti dan sijil pelajaran Malaysia, atau setaraf dengannya di peringkat maktab. Menurut Khir Johari (1967) juga, Institusi Pendidikan Tinggi ialah universiti, maktab teknik, maktab pertanian, maktab perguruan dan Institusi Teknologi Mara. Di sini diterangkan bahawa universiti menawarkan kursus peringkat lepasan ijazah, ijazah dan diploma sementara maktab, institut dan kolej menawarkan kursus pada peringkat diploma dan sijil. Laporan Khir Johari (1967) juga menambah bahawa yang dimaksudkan dengan tinggi itu ialah bidang pengkhususan pelajaran, sama ada dari aspek akademik ataupun dari aspek vokasional.

Dari aspek akademik, pendidikan tinggi seperti di universiti mempunyai subjek pelajaran yang amat khusus, luas dan mendalam dalam berbagai-bagai cabang disiplin. Dari segi vokasional pula, pelajaran teori dan amali adalah khusus pengajian yang mendalam untuk menyediakan kemahiran kerja sumber manusia pada peringkat ikhtisas (bidang khusus) dan separuh ikhtisas bagi sektor swasta dan kerajaan. Pendidikan khusus bagi kemahiran ini bersesuaian dengan skop pekerjaan tertentu yang lebih terperinci dalam kerjaya contohnya pengkeranian, pegawai teknikal dan sebagainya.

Untuk mencapai pendidikan yang berkualiti tinggi dari pelbagai aspek harus dirancang dengan teliti dan merangkumi semua aspek pendidikan supaya pelajar tidak ketinggalan didalam membina kerjaya pada masa akan datang. Kertas ini akan ketengahkan pendekatan perancangan pendidikan yang berterusan. Semestinya ia dimulakan dengan kerjasama semua pihak di Institusi Pendidikan Tinggi untuk berkolaboratif dan menjalinkan hubungan dua hala yang kuat dengan sekolah menengah untuk melakar kerjaya pelajar ke peringkat selanjutnya dengan memberi pencerahan dan pendedahan mengenai cabangan jurusan pendidikan yang terperinci mengikut minat dan kekuatan mata pelajaran pelajar ketika di Institusi Pendidikan Tinggi. Perancangan pendidikan awal sebelum kemasukan ke peringkat Institusi Pendidikan Tinggi akan memudahkan proses pendidikan pelajar nanti apabila meningkat dewasa.

1.3 Kurikulum Pendidikan

Secara amnya, kertas ini akan menyentuh dari segi efikasi perancangan pendidikan di aspek kurikulum dan penilaian mata pelajaran mengikut kekuatan dan bakat pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi supaya pelajar dapat belajar dengan cemerlang dan mengikut penguasaan dan keperluan individu. Di sini, kurikulum mempunyai dua bahagian. Yang pertama, kurikulum kolerasi. Ia adalah model yang menyajikan nama mata pelajaran yang memiliki kedekatan (sejenis) dikelompokkan menjadi suatu bidang pelajaran (*broadfield*) seperti mata pelajaran. Yang kedua ialah kurikulum bersepadu (*Integrated curriculum*) dimana ianya satu model yang tidak lagi menampakkan nama disiplin ilmu atau bidang pelajaran, tetapi nama

mata pelajaran diambil dari suatu pokok masalah yang perlu dipecahkan dan masalah tersebut dinamakan suatu unit.

1.4 Penilaian Subjek

Penilaian dari tugas adalah penaksiran pemarkahan yang dilakukan sepanjang tempoh pelaksanaan sesuatu kursus atau subjek agar akhirnya hasil pembelajaran kursus dan subjek berkenaan dikuasai oleh setiap pelajar. Menurut Black dan William (1998), penaksiran dan penilaian adalah sesuatu proses penambahbaikan pembelajaran demi memastikan pelajar menguasai hasil pembelajaran. Ini dinilai melalui aktiviti kurikulum, aktiviti kelas dan tugas tambahan untuk membantu pelajar memahami dari segi teknikal.

Tujuan kertas ini adalah untuk membincangkan mengenai:

- i. Pendekatan perancangan pendidikan dari aspek kurikulum.
- ii. Rancangan latihan guru untuk penilaian subjek atau mata pelajaran.

Teori

Teori transformasional yang dikenalkan oleh James McGregor Burns pada tahun 1978, digunakan untuk kertas konsep ini kerana ianya bersesuaian dengan perbincangan kertas. Teori Transformasional ini dipilih kerana menggalakkan pensyarah-pensyarah untuk berinteraksi dan memberi sokongan dan galakan kepada ketua. Malahan teori transformasional juga menekankan nilai sosial dan kepentingan untuk membina keyakinan diri pensyarah, kekuatan berkumpulan dan berpasukan ketika menghadapi cabaran (Bass et al., 2003). Pemimpin atau ketua dalam Institusi Pendidikan Tinggi harus mempunyai ciri kepimpinan transformasional kerana teori ini memberi kesan terhadap perancangan pendidikan di Malaysia.

Elemen-elemen teori ini terbagi kepada empat. Pertama, pengaruh menyeluruh atau sempurna (*ideal*). Pemimpin atau ketua perancangan harus mempunyai latar belakang yang berkaliber supaya pengikut berkeyakinan dengan misi dan matlamat yang ingin dicapai. Ketua yang berpengaruh dapat menjadi sumber inspirasi dan role model kepada pengikut. Kedua, inspirasi motivasi. Ini bermaksud guru mendapat motivasi dari ketua dan boleh mengikut perancangan pendidikan yang diusul, malahan pensyarah juga memberi sokongan sepenuhnya dan galakan terhadap pembaharuan pendidikan.

Elemen ketiga ialah stimulasi intelektual. Stimulasi intelektual ialah kolaboratif guru dengan pelajar dimana pensyarah mampu mejalinkan hubungan erat dan mendapat kepercayaan dan dihormati pelajar (*mutual respect*), pensyarah juga dilihat sebagai teman bersama (*equal partner*) di dalam mencapai objektif pendidikan. Latihan guru juga adalah sebahagian dari stimulasi intelektual kerana pensyarah akan sentiasa membuat peningkatan diri bagi penyesuaian dalam pembaharuan. Elemen yang terakhir pula ialah pertimbangan individualisasi iaitu dengan memberi skim (*scheme*) bantuan bagi pensyarah dan guru yang menghadapi kesukaran.

Model

Model perancangan Franco ialah model perancangan pendidikan yang rational dan diguna pakai di institusi pendidikan. Model perancangan Franco mempunyai empat langkah. Yang pertama ialah analisis persekitaran luar untuk berubah program pendidikan mengikut kesesuaian keadaan dan pelajar. Kedua, kejelasan visi, misi dan analisis nilai untuk perubahan supaya setiap individu yang terlibat tahu matlamat yang dikehendaki. Yang ketiga ialah analisis organisasi dalaman dimana sumber manusia dan sumber infrastruktur dikenalpasti bagi mengetahui kekurangan dan kecukupan untuk pelaksanaan. Yang keempat ialah keputusan

jangka masa panjang bagi isu-isu perancangan yang strategik di Instutusi Pendidikan Tinggi. Ini adalah penting agar isu dapat dibincangkan dan tindakan sewajarnya akan diambil perancangan dan formula program yang lebih teliti.

Dengan sasaran keputusan yang ditetapkan, pengendalian dan penilaian program akan lebih berkesan. Ditambah dengan sokongan dan kerjasama pensyarah dan guru dapat beri kebebasan kepada pensyarah dan pelajar untuk ubah suai flexibiliti subjek pelajaran yang dikehendaki. Berikut adalah rajah bagi model Franco untuk perancangan pendidikan kurikulum.




Figure 2. Planning for Development of Life Skills Curriculum at IAI Qomaruddin

2. Kajian Literatur

Punca Masalah Pendidikan yang Tidak Berkesan Kurikulum

Menurut Stenhouse (1975), punca masalah dalam pendidikan ialah pengajian kurikulum yang mempunyai jurang idea yang ingin disampaikan dan kekurangan aspirasi serta usaha pendidik untuk merealisasikannya. Oleh yang demikian, Elisa A. Zenni et al (2021) mengatakan bahawa hubungan kolaboratif dengan pensyarah dan pelajar memberi kesan terhadap pembinaan program dalam jangka masa yang pendek. Ini menyokong pendapat bahawa perancangan yang berimpak datang datang kolaborasi kedua pihak yang semangat tinggi untuk mencapai matlamat tidak memerlukan masa yang banyak untuk menyampaikan dan memahami sesuatu pengisian.

Akan tetapi Tyler (1949) pula berpendapat bahawa Institusi Pendidikan yang berperanan dan bertanggungjawab merancang pendidikan yang berkesan melalui kurikulum. Tyler menyatakan bahawa kurikulum sepatutnya menjadikan keseluruhan pengalaman pendidikan yang dirancang berjaya kerana ia dimulakan dari sekolah. Ianya harus dikendalikan dari pendidikan awal yang memberi pemahaman yang lebih jelas untuk mencapai objektif perancangan pendidikan. Menurut Evans (1967) pula, kurikulum didefinisikan sebagai segala pengalaman terancang yang dibekalkan oleh sekolah untuk tujuan membantu pelajar mencapai, pada kadar kebolehan yang tertinggi dan hasil pembelajaran yang telah dikenal pasti.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah cuba menyelesaikan isu perancangan kurikulum yang efektif dengan mendapatkan bantuan dari UNESCO dan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menilai beberapa aspek pembangunan dan pelaksanaan kurikulum yang berbeza. Kajian UNESCO (2012) melaporkan terdapat kurang bukti yang menunjukkan bahawa guru mengetahui atau memahami implikasi konsep amalan bilik darjah yang merupakan asas falsafah dan objektif kurikulum seperti pembelajaran bersepadu, pendidikan yang holistik, kreatif dan berinovasi.

Penilaian Ujian

Biggs dan Tang (2007) berpendapat bahawa untuk pendidikan yang sama rata harus dinilai dari sudut kekuatan pelajar. Oleh itu penilaian pendidikan yang menentukan jurang antara perkara yang dihasilkan dengan perkara yang ingin dihasrakan daripada sesuatu kursus pengajian atau subjek. Penekanan pendidik dalam menilai pelajar bagi penguasaan pengetahuan pelajar dalam sudut pemahaman, cara aplikasi, analisis yang rational, sintesis dan penilaian dalam pengajaran dan pendidikan (Bloom, 1956) akan menghasilkan keputusan yang baik kerana pelajar bukan dinilai dari ujian kertas semata-mata tetapi dinilai dari ujian kecil yang memerlukan daya fikir yang kreatif dan datang dari pemikiran pelajar sendiri. Pendidik menjadi pembantu untuk memahamkan konsep subjek kepada pelajar.

Biggs dan Tangs (2007) juga menambah bahawa penilaian yang berasaskan pengukuran kertas peperiksaan besar dianggap tidak mempunyai nilai pendidikan kepada pelajar kerana pelajar ditekan dengan keputusan bukan kerana dasar tujuan subjek pendidikan itu diajar di Institusi Pendidikan Tinggi. Di sini, pelajar tidak memahami tujuan ilmu yang diajar adalah untuk dipraktikkan pada masa akan datang.

3. Dapatan Kajian

Daripada kedua-dua kertas Scopus, dapat dirumuskan bahawa perancangan pendidikan yang berkesan adalah berdasarkan faktor keperluan masa kini supaya pelajar dapat menggunakan ilmu yang dipelajari sepanjang hayat. Pendidikan kurikulum yang mengikut kemampuan pelajar (*competency-based*) akan membawa kepada penambahbaikan kepada aspek penerimaan pembelajaran dan pendidikan. Malangnya daripada kedua-dua kajian Scopus menunjukkan kegagalan mencapai sistem pendidikan lanjutan atau tinggi kerana bebanan tugas (*workload*) dan subjek yang banyak, kredit yang tinggi dan tugas yang padat. Malahan, dari kajian Scopus juga menunjukkan komponen didalam aspek pelaksanaan dan penilaian tidak dapat memenuhi standard program kerana kurang latihan pendidik dalam melaksanakan program. Sikap pendidik yang tidak menyelesaikan masalah dari awal juga memberi kesan negatif terhadap perancangan program.

Tambahan lagi, dapatan kajian juga menunjukkan program kordinator yang tidak efisien dan tidak melaksanakan perancangan dengan kegagalan berinteraksi dengan pelajar dan tidak

mempunyai hubungan yang stabil sehingga pelajar tidak dapat bantuan untuk mereka-bentuk pelan pendidikan (*lesson plan*) dan rancangan kerjaya yang teliti. Antara faktor yang menyumbang kepada kegagalan perancangan ialah faktor perlaksanaan dimana kekurangan material atau bahan yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Dapatan kajian juga menunjukkan ketidak seiringan dengan visi, misi, matlamat, dan objektif Institusi Pendidikan dengan perancangan kurikulum dan penilaian ujian.

Penilaian yang adil dianggap sebagai sebahagian daripada pembelajaran dan sangat penting untuk membolehkan pembelajaran terus berlaku. Akan tetapi jika pendidik yang kurang kompeten akan memudaratkan pelajar kerana ketidak-mampuan untuk menilai kebolehan pelajar dan mengesan teknik yang sesuai untuk menyelesaikan kesukaran pelajar memahami sesuatu subjek dan kursus. Sebab itu kolaborasi adalah sangat penting bagi menghasilkan kejayaan pelajar yang berkualiti dan produktif.

4. Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian mendapati bahawa untuk mengatasi kompetensi pelajar adalah dengan mengubah sistem penilaian mengikut tahap kebolehan pelajar. Dengan pengawasan dari pemimpin, perancangan dapat dilaksanakan mengikut visi dan misi pendidikan yang diinginkan. Kajian juga mencadangkan supaya menimbang semula kelemahan pelaksanaan dari aspek sumber manusia yang didapati tidak mencapai objektif yang dikehendaki iaitu pendidikan yang bermanfaat kepada kepada pelajar pada masa depan kerana pendidik hanya memberi tumpuan kepada pencapaian ujian besar. Faktor lain yang menjadi tunggak kepada pendidikan tinggi yang berkesan ialah sokong dan peranan aktif dari semua pihak. Pemimpin Institusi, Jabatan, pendidik, ibu-bapa dan pelajar harus kolaborasi ke arah visi dan mempunyai pemahaman yang sama dalam mencapai matlamat.

Pendidik harus sentiasa mengikuti perkembangan dan tahu tahap kebolehan dan kesediaan pelajar untuk menyambung belajar ke Peringkat Tinggi. Dengan mengetahui kelemahan yang ada dalam perancangan dan keadaan pelajar, pihak berwajib sepatutnya mengambil tindakan untuk mengani masalah tersebut dan menyelesaikan supaya dapat menambahbaik pada tahap seterusnya. Peningkatan keberkesanan pelajaran dengan keberhasilan dan minat murid melalui pendekatan pembelajaran baharu dan pemantapan kurikulum sebagai persediaan sebenarnya dapat dicapai jika persediaan infrastruktur pembangunan pelan pendidikan mempunyai lakaran dan progress untuk perlaksanaan pendidikan tinggi untuk kegunaan pelajar lepasan Institusi Pendidikan Tinggi.

Isu-isu di Malaysia

Terdapat beberapa isu-isu pendidikan di Institusi Peringkat Tinggi di Malaysia. Pertama dari aspek kurikulum ialah ketidak sejajaran antara jenis kurikulum. Ini membuatkan pembelajaran pelajar akan menjadi terpisah serta tidak akan mempunyai koherensi (*coherence*). Ditambah dengan kurikulum yang padat kandungan juga memberi kesan negative kepada pelajar kerana pelajar tidak menikmati keseronokan semasa belajar dan tertekan kerana terpaksa daripada gagal.

Kualiti pengajaran dan pembelajaran yang kurang konsisten kerana pendidik yang kurang pengetahuan dan terlalu menumpukan kepada ujian peperiksaan yang besar. Kelemahan di sini ialah perancangan yang terlalu rambang kerana tidak mempunyai spesifikasi khusus. Berbeza dengan pendidikan luar negara yang hanya mengfokuskan kepada beberapa subjek dan mempunyai modul yang sedikit dan pendek untuk pengajian tinggi. Di Amerika Syarikat,

pendidikan sarjana muda di Universiti Harvard hanya mempunyai 32 modul, berbanding di Malaysia yang mempunyai 42 modul. Manakala di United Kingdom, tempoh pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi di peringkat sarjana muda di Universiti Oxford ialah 3 tahun dan bagi sarjana hanya setahun.

Infrastruktur yang tidak mencukupi di institusi pendidikan tinggi seperti masalah pencapaian internet yang rendah, kelemahan penggunaan IT dalam pengajaran dan kelemahan penguasaan platform dalam kuliah kerana pendidikan tradisional masih berleluasa. Ini melambatkan proses pendidikan yang berkualiti. Tetapi hal ini dapat diselesaikan dengan latihan IT kepada tenaga pengajar dan pendidik. Semakan kurikulum pembelajaran juga membuatkan markah pelajar menurun kerana tidak memberi ruang kepada pelajar yang mempunyai kebolehan yang kreatif. Dengan modul yang terlalu menitik-beratkan kepada kaedah penulisan, pelajar menjadi lemah untuk berfikir dan hanya menghafal demi peperiksaan. Oleh itu, dengan perancangan semula pendidikan dapat ditambahbaik melalui penilaian pengajaran yang fleksibel.

Institusi Pendidikan Tinggi juga seharusnya bertanggungjawab untuk memikirkan perancangan pendidikan yang mengikut kesesuaian pelajar dan memenuhi keperluan pelajar selepas tamat pendidikan tinggi. Fakulti harus berkerja menuju ke pencapaian matlamat dan menyesuaikan diri kepada perubahan supaya matlamat pendidikan dapat dicapai dan pelajar dapat manfaat sepanjang hayat.

Implikasi

Dari segi dasar, implikasi perancangan pendidikan dari aspek kurikulum memberi kesan kepada pencapaian akademik dan sistem pendidikan lanjutan tinggi bagi warganegara kerana pelajar adalah generasi pemimpin masa depan. Kejayaan pendidikan pelajar akan mencerminkan masa depan negara yang berkualiti tinggi dan merangkumi pelbagai aspek kemahiran. Latihan guru yang berkesan adalah dengan sistem penilaian yang wajar mengikut kemampuan pelajar supaya pelajar dapat meningkatkan diri dibidang khusus yang diminati atau di bidang penguasaan. Dengan penambahbaikan pengajaran melalui maklum balas pembelajaran. Peranan pentadbir adalah menganalisis pencapaian pelajar dan pendidik melalui pelbagai pendekatan kurikulum akan menghasilkan pendidikan yang secara berterusan terutama kepada selepas tamat pendidikan tinggi. Di mana kesan pendidikan yang bermanfaat dan faedah dapat dilihat semasa penggunaan di tempat kerja atau dalam kehidupan hayat. Data ini boleh didapati melalui kerjasama dengan syarikat sumber manusia untuk melihat fungsi subjek dan kursus dalam skop kerja. Sikap konsistensi pentadbir untuk mendapat pendidikan berkualiti juga akan dilihat dari segi Latihan kepada pendidik untuk melatih persediaan pensyarah dalam perubahan dan menilai prestasi guru melalui peratusan penglibatan pelajar dalam pendidikan melalui platform-platform yang digunakan pensyarah. Sokongan yang berterusan dan konsisten dari pihak pengurusan dengan memberi dana untuk kegunaan infrastruktur kursus pelajar, pemantauan pelaksanaan akan meningkatkan prestasi pendidikan yang berkualiti tinggi.

Kesan terhadap pelajar apabila Institusi pengajian tinggi mengurangkan kerja kursus, ujian dan peperiksaan akhir maka pemarkahan penilaian gred akan menjadi tinggi tetapi pelajar akan kurang mahir dari aspek penulisan. Ini akan membuatkan pelajar lemah untuk mengembangkan idea di kertas kerana ketiadaan pendedahan latihan penulisan. Malahan, dengan kadar beban tugas yang dipelbagaikan ia akan menguji integriti pelajar kerana pelajar akan lebih banyak kolaborasi dan persamaan idea tidak dapat dielakkan. Ia juga akan mendedahkan pelajar kepada memplagiat antara satu sama lain dan menipu dengan mengolah jawapan yang sama dari pelajar lain.

Implikasi terhadap pendidik pula adalah penambahan peranan pendidik dari segi tugas kerana pendidik harus membantu dan menjadi mentor bagi pelajar, pendidik juga harus mengajar dan menjadi kaunselor, fasilitators kursus dan menjadi ibu-bapa yang mengurus kesihatan pelajar (Pfeffer, 2009; Quick & Normore, 2004). Ini dapat diselesaikan dengan penambahan tenaga pembantu pendidik, penambahan latihan kesediaan pendidik bagi kursus dari masa ke semasa dan latihan kemahiran merancang bagi pendidik supaya tahu visi dan matlamat dapat dicapai oleh pelajar apabila tamat Pendidikan Tinggi kelak. Latihan projek bagi pendidik dengan Kementerian Pendidikan dan kolaborasi dari sekolah menengah dan Institusi Pendidikan Tinggi yang lain akan menghasilkan sistem pendidikan yang berterusan dan sistematik mengikut peringkat.

5. Kesimpulan

Kertas konsep ini ingin menekankan isi-isu perancangan pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi yang berat sebelah dan hanya fokus kepada pencapaian akademik pelajar dan menilai kebolehan pelajar dari ujian besar. Dengan perancangan yang teliti dan pimpinan ketua transformasional yang mempunyai visi dan berkaliber, pendidikan yang bertaraf tinggi dapat dicapai melalui model perancangan yang menganalisis faktor luaran dan dalaman untuk membentuk pendidikan khusus yang berkepelbagaian dan berpusatkan kepada pelajar dan memberi faedah kepada pelajar sepanjang hayat.

Rujukan

- Allen, M. J. 2004. *Assessing academic programs in higher education*. Boston, MA: Anker Publishing.
- Amir Sadeghi, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2012, *Transformational Leadership and Its Predictive Effects on Leadership Effectiveness*, International Journal of Business and Social Science Vol. 3 No. 7; April 2012.
- Asas pembelajaran dan pengajaran pensyarah institusi pengajian tinggi*, Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor, ISBN 978-967-5457-79-1
- Biggs, J. 2003. *Aligning teaching and assessment to curriculum objectives*. York, UK: LTSN Generic Centre.
- Bass, B. M., Avoilio, B. J., Jung, D. I., & Berson, Y. 2003. Predicting unit performance by assessing transformational and transactional leadership. *Journal of Applied Psychology*, 88(2), 207-218.
- KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia]. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putra Jaya: KPM.
- Khair Johari (1967), Akta Bahasa Kebangsaan 1957.
- Elisa A. Zenni, MD*, Teri L. Turner, MD, MPH, Med. 2021. *Planning and Presenting Workshops That Work: A Faculty Development Workshop*, The Journal of Teaching and Learning Resources. Association of American Medical Colleges.
- Paul Black and Dylan Wiliam. 1998. *Assessment and Classroom Learning; Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, School of Education, King's College London, 5:1, 7 — 74.
- UNESCO (United Nations for Education, Scientific and Cultural Organization). 2012. *Education FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT*. UNESCO Press.
- <https://oue.fas.harvard.edu/requirements>, date accessed on 9th July 2021, 2.54pm.
- <https://www.ox.ac.uk/admissions/undergraduate/student-life/exceptional-education/course-structure>, date accessed on 9th July 2021, 2.57pm.